



PERNYATAAN PHNOM PENH MENGENAI PENERIMAAN PENGISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA ASEAN (AHRD)

KAMI, Ketua-Ketua Negara/Kerajaan Negara Anggota Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-21 di Phnom Penh, Kemboja;

MENGESAHKAN SEMULA komitmen ASEAN terhadap penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia dan kebebasan asasi serta tujuan-tujuan dan prinsip-prinsip yang termaktub dalam Piagam ASEAN, termasuk prinsip-prinsip demokrasi, kedaulatan undang-undang dan pemerintahan yang baik;

MENGULANGI komitmen ASEAN dan Negara-Negara Anggotanya terhadap Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, Pengisytiharan dan Program Tindakan Vienna, dan instrumen hak asasi manusia antarabangsa lain, yang dianggotai oleh Negara-Negara Anggota ASEAN serta terhadap pengisytiharan ASEAN yang berkaitan berhubung dengan hak asasi manusia;

MENGIKTIRAF kepentingan peranan Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR), sebagai institusi menyeluruh yang bertanggungjawab bagi penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia di ASEAN, yang menyumbang kepada pembinaan Komuniti ASEAN yang berorientasikan rakyat dan sebagai wadah untuk pembangunan sosial dan keadilan yang progresif, bagi merealisasikan sepenuhnya martabat manusia dan bagi mencapai kualiti hidup yang lebih tinggi untuk rakyat ASEAN;

MEMUJI AICHR kerana membuat suatu pengisytiharan yang komprehensif mengenai hak asasi manusia, dengan berunding bersama Badan-Badan Sektor ASEAN dan pihak-pihak berkepentingan lain yang berkaitan;

MENGIKTIRAF sumbangan bermakna Badan-Badan Sektor ASEAN dan pihak-pihak berkepentingan lain yang berkaitan dalam menggalakkan dan melindungi hak asasi manusia di ASEAN, dan menggalakkan keterlibatan dan dialog mereka yang berterusan dengan AICHR;

DENGAN INI:

1. **MENERIMA** Pengisytiharan Hak Asasi Manusia ASEAN (AHRD);
2. **MENGESAHKAN** komitmen kami terhadap pelaksanaan sepenuhnya AHRD untuk memajukan penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia di rantau ini; dan
3. **MENGESAHKAN SEMULA SELANJUTNYA** komitmen kami untuk memastikan bahawa pelaksanaan AHRD adalah menurut komitmen Kami terhadap Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejangat, Pengisytiharan dan Program Tindakan Vienna, dan instrumen hak asasi manusia antarabangsa lain yang dianggotai oleh Negara-Negara Anggota ASEAN, serta terhadap pengisytiharan ASEAN dan instrumen yang berkaitan berhubung dengan hak asasi manusia.

DIPERBUAT di Phnom Penh, Kerajaan Kemboja, pada hari ini Lapan Belas hari bulan November tahun Dua Ribu Dua Belas, dalam satu salinan tunggal asal dalam bahasa Inggeris.

Bagi pihak Negara Brunei Darussalam:

t.t.

HAJI HASSANAL BOLKIAH

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Bagi pihak Kerajaan Kemboja:

t.t.

SAMDECH AKKA MOHA SENA PADEI TECHO HUN SEN
Perdana Menteri

Bagi pihak Republik Indonesia:

t.t.

SUSILO BAMBANG YUDHOYONO
Presiden

Bagi pihak Republik Demokratik Rakyat Lao:

t.t.

THONGSING THAMMAVONG
Perdana Menteri

Bagi pihak Malaysia:

t.t.

DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK
Perdana Menteri

Bagi pihak Republik Kesatuan Myanmar:

t.t.
U THEIN SEIN
Presiden

Bagi pihak Republik Filipina:

t.t.
BENIGNO S. AQUINO III
Presiden

Bagi pihak Republik Singapura:

t.t.
LEE HSIEN LOONG
Perdana Menteri

Bagi pihak Kerajaan Thailand:

t.t.
YINGLUCK SHINAWATRA
Perdana Menteri

Bagi pihak Republik Sosialis Viet Nam

t.t.
NGUYEN TAN DUNG
Perdana Menteri

PENGISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA ASEAN

KAMI, Ketua-Ketua Negara/Kerajaan Negara Anggota Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (selepas ini disebut sebagai "ASEAN"), iaitu Negara Brunei Darussalam, Kerajaan Kemboja, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Republik Kesatuan Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Kerajaan Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam, pada majlis Sidang Kemuncak ASEAN ke-21 di Phnom Penh, Kemboja.

MENGESAHKAN SEMULA kepatuhan kami kepada tujuan-tujuan dan prinsip-prinsip ASEAN sebagaimana yang termaktub dalam Piagam ASEAN, khususnya penghormatan terhadap dan penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia dan kebebasan asasi, serta prinsip-prinsip demokrasi, kedaulatan undang-undang dan pemerintahan yang baik;

MENGESAHKAN SEMULA SELANJUTNYA komitmen kami kepada Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, Pengisytiharan dan Program Tindakan Vienna, dan instrumen hak asasi manusia antarabangsa lain yang dianggotai oleh Negara-Negara Anggota ASEAN;

MENGESAHKAN SEMULA JUGA peri pentingnya usaha ASEAN dalam menggalakkan hak asasi manusia, termasuk Pengisytiharan Kemajuan Wanita di Rantau ASEAN dan Pengisytiharan mengenai Penghapusan Keganasan terhadap Wanita di Rantau ASEAN;

YAKIN bahawa Pengisytiharan ini akan membantu mewujudkan rangka kerja bagi kerjasama hak asasi manusia di rantau ini dan menyumbang kepada proses pembangunan komuniti ASEAN;

DENGAN INI MENGISYTIHARKAN SEPERTI BERIKUT:

PRINSIP AM

1. Semua orang dilahirkan bebas dan mempunyai martabat dan hak yang sama. Mereka dikurniakan akal fikiran dan hati nurani dan hendaklah bertindak terhadap satu sama lain dengan semangat kemanusiaan.
2. Setiap orang berhak mendapatkan hak dan kebebasan yang dinyatakan dalam Pengisytiharan ini, tanpa perbezaan dalam bentuk apa pun, seperti bangsa, jantina, umur, bahasa, agama, pandangan politik atau pandangan lain, asal-usul bangsa atau sosial, status ekonomi, kelahiran, kecacatan atau status lain.

3. Setiap orang mempunyai hak untuk diiktiraf di mana jua pun sebagai seorang insan di sisi undang-undang. Setiap orang adalah sama di sisi undang-undang. Setiap orang berhak mendapatkan perlindungan undang-undang yang sama tanpa diskriminasi.
4. Hak-hak wanita, kanak-kanak, warga tua, orang kurang upaya, pekerja asing, dan kelompok rentan dan terpinggir adalah sebahagian dari hak asasi manusia dan kebebasan asasi yang tidak terpisah, penting dan tidak boleh dibahagikan.
5. Setiap orang mempunyai hak mendapatkan remedi yang berkesan dan boleh dikuatkuasakan, yang akan diputuskan oleh mahkamah atau pihak berkuasa lain yang layak, bagi perbuatan-perbuatan yang melanggar hak-hak yang diberikan kepada orang itu oleh perlembagaan atau oleh undang-undang.
6. Hak asasi manusia dan kebebasan asasi yang dinikmati mestilah seimbang dengan pelaksanaan kewajipan yang sama kerana setiap orang mempunyai tanggungjawab terhadap individu lain, komuniti dan masyarakat di mana seseorang itu tinggal. Pada akhirnya adalah menjadi tanggungjawab utama semua Negara Anggota ASEAN untuk menggalakkan dan melindungi hak asasi manusia dan kebebasan asasi.
7. Semua hak asasi manusia adalah universal, tidak boleh dibahagikan, saling bergantung dan saling berhubungan. Semua hak asasi manusia dan kebebasan asasi dalam Pengisytiharan ini mestilah diperlakukan dengan cara yang adil dan saksama, pada kedudukan yang sama dan dengan penekanan yang sama. Pada masa yang sama, bagi merealisasikan hak asasi manusia pertimbangan mestilah diberikan dalam konteks serantau dan kebangsaan dengan mengingat latar belakang politik, ekonomi, undang-undang, sosial, budaya, sejarah dan agama yang berlainan.
8. Hak asasi manusia dan kebebasan asasi setiap orang hendaklah dijalankan dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada hak asasi manusia dan kebebasan asasi orang lain. Hak asasi manusia dan kebebasan asasi yang dijalankan hendaklah tertakluk hanya kepada batasan-batasan sebagaimana yang ditentukan oleh undang-undang semata-mata bagi tujuan memastikan pengiktirafan yang sewajarnya terhadap hak asasi manusia dan kebebasan asasi orang lain, dan untuk memenuhi keperluan yang berasas bagi keselamatan negara, ketenteraman awam, kesihatan awam, keselamatan awam, moral awam, dan juga kebajikan umum rakyat dalam masyarakat yang demokratik.
9. Dalam merealisasikan hak asasi manusia dan kebebasan yang terkandung dalam Pengisytiharan ini, prinsip-prinsip kesaksamaan, keobjektifan, tanpa sikap memilih, tanpa diskriminasi, tanpa konfrontasi dan mengelakkan dwistandard dan pempolitan, hendaklah sentiasa dipertahankan. Proses untuk merealisasikannya itu hendaklah mengambil kira penyertaan rakyat, keterangkuman dan perlunya kebertanggungjawapan.

HAK SIVIL DAN POLITIK

10. Negara-Negara Anggota ASEAN mengesahkan semua hak sivil dan politik dalam Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Khususnya, Negara-Negara Anggota ASEAN mengesahkan hak dan kebebasan asasi yang berikut:

11. Setiap orang mempunyai hak sedia ada untuk hidup yang akan dilindungi oleh undang-undang. Tiada seorang pun boleh dilucutkan haknya untuk hidup kecuali menurut undang-undang.

12. Setiap orang mempunyai hak mendapatkan kebebasan dan keselamatan diri. Tiada seorang pun boleh ditangkap dengan sewenang-wenangnya, diperiksa, ditahan, diculik atau apa-apa bentuk penafian lain kebebasan.

13. Tiada seorang pun boleh ditahan sebagai pekerja paksa atau hamba dalam apa-apa bentuk pun, atau menjadi mangsa penyeludupan manusia atau pemerdagangan orang, termasuk bagi maksud memperdagangkan organ manusia.

14. Tiada seorang pun boleh diseksa atau diperlakukan atau dihukum dengan kejam, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan martabat.

15. Setiap orang mempunyai hak untuk bebas bergerak dan bermastautin di dalam sempadan tiap-tiap Negara. Setiap orang mempunyai hak untuk meninggalkan mana-mana negara termasuk negaranya sendiri, dan untuk kembali ke negaranya.

16. Setiap orang mempunyai hak untuk mendapatkan dan menerima suaka di Negara lain menurut undang-undang Negara itu dan perjanjian antarabangsa yang terpakai.

17. Setiap orang mempunyai hak untuk memiliki, menggunakan, melupuskan dan memberi harta yang diperolehi sendiri secara sah atau bersama dengan orang lain. Tiada seorang pun boleh dilucutkan harta miliknya itu dengan sewenang-wenangnya.

18. Setiap orang mempunyai hak mendapatkan kerakyatan sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang. Tiada seorang pun boleh dilucutkan kerakyatannya dengan sewenang-wenangnya atau dinafikan haknya untuk menukar kerakyatannya.

19. Keluarga sebagai unit masyarakat semulajadi dan asasi berhak mendapatkan perlindungan oleh masyarakat dan setiap Negara Anggota ASEAN. Lelaki dan wanita yang cukup umur mempunyai hak untuk berkahwin atas dasar mereka bebas dan rela sepenuhnya, untuk membina keluarga dan membubarkan perkahwinan, sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang.

20. (1) Setiap orang yang dituduh melakukan sesuatu kesalahan jenayah hendaklah dianggap sebagai tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah mengikut undang-undang dalam percabaran yang adil dan terbuka, oleh tribunal yang layak, bebas dan tidak memihak, yang menjamin hak orang yang kena tuduh untuk membela dirinya.

(2) Tiada seorang pun boleh diputuskan bersalah atas sebarang kesalahan jenayah oleh sebab apa-apa perbuatan atau peninggalan yang tidak menjadi suatu kesalahan jenayah, di bawah undang-undang negara atau antarabangsa, pada masa apabila kesalahan jenayah itu dilakukan dan tiada seorang pun boleh dikenakan hukuman yang lebih berat kerana suatu kesalahan dari yang telah ditetapkan oleh undang-undang pada masa kesalahan jenayah itu dilakukan.

(3) Tiada seorang pun boleh dibicarakan atau dihukum sekali lagi atas suatu kesalahan yang dia akhirnya telah pun disabitkan atau dibebaskan menurut undang-undang dan prosedur hukuman jenayah setiap Negara Anggota ASEAN.

21. Setiap orang mempunyai hak untuk bebas dari gangguan sewenang-wenangnya terhadap privasi, keluarga, tempat tinggal atau surat-menyurat termasuk data peribadinya, atau bidasan terhadap maruah dan reputasi orang itu. Setiap orang mempunyai hak mendapatkan perlindungan undang-undang dari gangguan atau bidasan tersebut.

22. Setiap orang mempunyai hak untuk bebas berfikir, berhati nurani dan beragama. Semua bentuk sikap tidak bertoleransi, diskriminasi dan hasutan kebencian berdasarkan kepada agama dan kepercayaan hendaklah dihapuskan.

23. Setiap orang mempunyai hak untuk bebas meluahkan pendapat dan bersuara, termasuk bebas mempertahankan pendapat tanpa gangguan dan meminta, menerima dan menyampaikan maklumat, sama ada secara lisan, secara bertulis atau melalui sebarang medium lain pilihan orang itu.

24. Setiap orang mempunyai hak untuk bebas berhimpun dengan aman.

25. (1) Setiap orang yang menjadi warganegara negaranya mempunyai hak untuk mengambil bahagian dalam kerajaan negaranya, sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui wakil-wakil yang dipilih secara demokratik, menurut undang-undang negara.

(2) Setiap warganegara mempunyai hak untuk mengundi dalam pilihan raya berkala dan tulen, yang sepatutnya dengan hak mengundi sejagat dan sama rata dan dengan undi rahsia, dengan menjamin kebebasan bersuara mengikut kehendak pilih, menurut undang-undang negara.

HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN

26. Negara-Negara Anggota ASEAN mengesahkan semua hak ekonomi, sosial dan kebudayaan dalam Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Khususnya, Negara-Negara Anggota ASEAN mengesahkan seperti berikut:

27. (1) Setiap orang mempunyai hak untuk bekerja, untuk bebas memilih pekerjaan, untuk menikmati keadaan kerja yang adil, memuaskan dan baik dan untuk mempunyai akses kepada skim bantuan bagi penganggur.

(2) Setiap orang mempunyai hak untuk menubuhkan kesatuan sekerja dan menyertai kesatuan sekerja yang dipilihnya bagi melindungi kepentingannya, menurut undang-undang dan peraturan-peraturan negara.

(3) Kanak-kanak atau mana-mana orang muda tidak boleh terdedah kepada eksploitasi ekonomi dan sosial. Mereka yang menggaji kanak-kanak dan orang muda dalam kerja yang membahayakan moral atau kesihatan mereka, membahayakan nyawa, atau mungkin menghambat perkembangan normal mereka, termasuk pendidikan mereka hendaklah dihukum menurut undang-undang. Negara-Negara Anggota ASEAN hendaklah juga menetapkan had umur pekerjaan bergaji dan buruh kanak-kanak yang digaji di bawah had umur itu hendaklah dilarang dan dihukum menurut undang-undang.

28. Setiap orang mempunyai hak mendapatkan taraf hidup yang mencukupi bagi dirinya dan keluarganya termasuk:

- a. Hak mendapatkan makanan yang mencukupi dan termampu, bebas dari kelaparan dan akses kepada makanan yang selamat dan berkhasiat;
- b. Hak terhadap pakaian;
- c. Hak mendapatkan perumahan yang mencukupi dan termampu;
- d. Hak mendapatkan perawatan perubatan dan perkhidmatan sosial yang diperlukan;
- e. Hak mendapatkan air minuman bersih dan sanitasi;
- f. Hak terhadap alam sekitar yang selamat, bersih dan lestari.

29. (1) Setiap orang mempunyai hak untuk menikmati kesihatan fizikal, mental dan reproduktif pada taraf tertinggi yang dapat dicapai, hak mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan asas dan termampu, dan hak mendapatkan akses kepada kemudahan perubatan.

(2) Negara-Negara Anggota ASEAN hendaklah mewujudkan persekitaran yang positif bagi mengatasi stigma, berdiam diri, penafian dan diskriminasi dalam pencegahan, rawatan, penjagaan dan sokongan kepada orang yang menderita penyakit berjangkit, termasuk HIV/AIDS.

30. (1) Setiap orang hendaklah mempunyai hak terhadap keselamatan sosial, termasuk insurans sosial jika ada, yang membantunya untuk menjamin sarana kehidupan yang bermaruah dan sopan.

(2) Perlindungan khas hendaklah diberikan kepada ibu-ibu sebelum dan selepas bersalin dalam tempoh yang munasabah sebagaimana yang ditentukan oleh undang-undang dan peraturan-peraturan negara. Dalam tempoh tersebut, ibu yang bekerja hendaklah diberikan cuti bergaji atau cuti dengan faedah keselamatan sosial yang mencukupi.

(3) Ibu dan anak berhak mendapatkan penjagaan dan bantuan khas. Setiap kanak-kanak, sama ada dilahirkan di dalam atau di luar pernikahan, hendaklah menikmati perlindungan sosial yang sama.

31. (1) Setiap orang mempunyai hak mendapatkan pendidikan.

(2) Pendidikan rendah hendaklah diwajibkan dan disediakan secara percuma bagi semua orang. Pendidikan menengah dalam bentuknya yang berlainan hendaklah disediakan dan boleh diakses oleh semua orang dengan setiap sarana yang bersesuaian. Pendidikan teknikal dan vokasional hendaklah disediakan pada amnya. Pendidikan tinggi boleh diakses sama oleh semua orang berdasarkan merit.

(3) Pendidikan hendaklah dihalakan ke arah perkembangan sepenuhnya keperibadian manusia dan kesedaran akan maruahinya. Pendidikan hendaklah memperkukuh penghormatan terhadap hak asasi manusia dan kebebasan asasi di Negara-Negara Anggota ASEAN. Tambahan pula, pendidikan akan membolehkan semua orang untuk mengambil bahagian secara berkesan dalam masyarakat mereka masing-masing, menggalakkan persefahaman, toleransi dan persahabatan di kalangan semua negara, bangsa dan kumpulan agama, dan meningkatkan aktiviti-aktiviti ASEAN untuk memelihara keamanan.

32. Setiap orang mempunyai hak, secara individu atau bersama dengan orang lain, untuk bebas mengambil bahagian dalam kehidupan berbudaya, untuk menikmati seni dan manfaat dari kemajuan sains dan aplikasinya dan untuk mendapatkan manfaat dari perlindungan kepentingan moral dan kebendaan hasil dari apa-apa penerbitan sains, penerbitan sastera atau penerbitan seni yang berkenaan yang pengarangnya adalah seseorang.

33. Negara-Negara Anggota ASEAN hendaklah mengambil langkah-langkah, secara individu dan melalui bantuan dan kerjasama serantau dan antarabangsa, terutamanya ekonomi dan teknikal, hingga had maksimum sumber-sumbernya yang ada, dengan tujuan untuk mencapai secara progresif dalam merealisasikan sepenuhnya hak-hak ekonomi, sosial dan kebudayaan yang diiktiraf dalam Pengisytiharan ini.

34. Negara-Negara Anggota ASEAN boleh menentukan setakat mana mereka akan menjamin hak-hak ekonomi dan sosial yang terdapat dalam Pengisytiharan ini kepada bukan warganegaranya, dengan memberikan perhatian yang sewajarnya kepada hak asasi manusia dan pengelolaan dan sumber ekonomi negara mereka masing-masing.

HAK UNTUK MEMBANGUN

35. Hak untuk membangun adalah hak asasi manusia yang tidak boleh dipisahkan yang dengan sebab itu setiap insan dan rakyat ASEAN berhak mengambil bahagian dalam,

menyumbang kepada, menikmati dan mendapatkan manfaat yang saksama dan berterusan dari pembangunan ekonomi, sosial, budaya dan politik. Hak untuk membangun hendaklah dilaksanakan bagi memenuhi dengan saksama keperluan pembangunan dan alam sekitar untuk generasi masa kini dan masa hadapan. Walaupun pembangunan memberi kemudahan dan diperlukan untuk menikmati semua hak asasi manusia, kurangnya pembangunan tidak boleh digunakan sebagai justifikasi pelanggaran hak asasi manusia yang diiktiraf antarabangsa.

36. Negara-Negara Anggota ASEAN hendaklah menerima pakai program pembangunan yang bermakna berorientasikan rakyat dan responsif terhadap jantina bertujuan untuk membasmi kemiskinan, mewujudkan keadaan termasuk perlindungan dan pelestarian alam sekitar bagi rakyat ASEAN untuk menikmati semua hak asasi manusia yang diiktiraf dalam Pengisytiharan ini atas dasar yang saksama, dan menyempitkan jurang pembangunan di dalam ASEAN secara progresif.

37. Negara-Negara Anggota ASEAN mengakui bahawa pelaksanaan hak untuk membangun memerlukan dasar-dasar pembangunan yang berkesan di peringkat kebangsaan dan juga hubungan ekonomi yang saksama, kerjasama antarabangsa dan persekitaran ekonomi antarabangsa yang menggalakkan. Negara-Negara Anggota ASEAN hendaklah mengarusutamakan aspek-aspek multidimensi hak untuk membangun ke dalam bidang-bidang berkaitan bagi membina komuniti ASEAN dan seterusnya, dan hendaklah bekerja bersama dengan komuniti antarabangsa untuk menggalakkan pembangunan yang saksama dan berterusan, amalan perdagangan wajar dan kerjasama antarabangsa yang berkesan.

HAK MENIKMATI KEAMANAN

38. Setiap orang dan rakyat ASEAN mempunyai hak untuk menikmati keamanan di dalam rangka kerja keselamatan dan kestabilan, keberkecualian dan kebebasan ASEAN, sehingga hak-hak yang dinyatakan dalam Pengisytiharan ini dapat direalisasikan sepenuhnya. Bagi mencapai matlamat ini, Negara-Negara Anggota ASEAN hendaklah terus meningkatkan persahabatan dan kerjasama ke arah keamanan, keharmonian dan kestabilan di rantau ini.

KERJASAMA DALAM MENGGALAKKAN DAN MELINDUNGI HAK ASASI MANUSIA

39. Negara-Negara Anggota ASEAN berkongsi kepentingan bersama dalam dan komitmen untuk menggalakkan dan melindungi hak asasi manusia dan kebebasan asasi yang akan dicapai melalui, antara lain, kerjasama antara satu sama lain dan juga dengan institusi/organisasi nasional, serantau dan antarabangsa yang berkaitan, menurut Piagam ASEAN.

40. Tiada sebarang apa pun dalam Pengisytiharan ini boleh ditafsirkan sebagai memberi faham bahawa mana-mana Negara, kumpulan atau orang berhak melakukan apa-apa perbuatan yang bermaksud hendak menjejaskan tujuan-tujuan dan prinsip-prinsip ASEAN, atau menghancurkan apa-apa hak dan kebebasan asasi yang dinyatakan dalam Pengisytiharan ini dan instrumen hak asasi manusia antarabangsa yang dianggotai oleh Negara-Negara Anggota ASEAN.

Diterima pakai oleh Ketua-Ketua Negara/Kerajaan Negara-Negara Anggota ASEAN di Phnom Penh, Kemboja, pada hari ini Lapan Belas haribulan November Tahun Dua Ribu Dua Belas, dalam satu salinan tunggal asal dalam Bahasa Inggeris.